

23 NOV 2000

Asean-menteri

MENTERI LUAR DAN EKONOMI ASEAN MULAKAN MESYUARAT

SINGAPURA, 23 Nov (Bernama) -- Menteri-menteri luar dan ekonomi Asean bermesyuarat pagi ini secara berasingan di Shangri-La di sini untuk menghalusi agenda bagi sidang kemuncak tidak rasmi pemimpin Asean Keempat esok, di tempat yang sama.

Malaysia diwakili oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menteri-menteri ekonomi dijangkakan akan mengadakan perbincangan berkaitan senarai pengecualian sementara Tarif Keutamaan Berkesan Sama Rata (CEPT) sebelum menandatangani protokol berkaitan pelaksanaannya kemudian.

Mereka juga dijangka akan membincangkan Inisiatif e-Asean berkaitan bagaimana untuk membantu anggota Asean yang kurang maju.

Perkara lain dijangka akan ditimbulkan termasuklah rundingan Singapura dengan Jepun dan New Zealand berkaitan perjanjian perdagangan bebas dua hala.

Beberapa anggota Asean berasa Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) itu memberi kesan kepada pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) yang bertujuan untuk mengurangkan tarif antara lima dan sifar peratus menjelang 2002.

Malaysia telah meminta tambahan dua tahun dari tahun yang dijadualkan 2003 bagi membuka sektor automotif, berikutan krisis ekonomi serantau pada 1997.

Berikutan daripada itu, menteri-menteri ekonomi semasa Mesyuarat Ekonomi Asean ke-23 di Thailand bulan lepas bersetuju kepada satu protokol yang membenarkan penangguhan sementara komitmen CEPT mereka di bawah AFTA.

Berikutan penandatanganan protokol itu, ia memberikan peruntukan kepada anggota Asean yang menghadapi masalah bagi menangguhkan pemotongan tarif terhadap beberapa produk dan negara yang terbabit dengan penggantungan untuk meminta laluan pasaran bagi produk alternatif.

Sementara itu, menteri-menteri luar akan membincangkan soal keselamatan di rantau ini, laluan kereta api Trans-Asia dan masalah Aids dan HIV.

Pemimpin-pemimpin Asean, termasuk Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka tiba di sini hari ini untuk menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi itu.

-- BERNAMA

MAD ARA RI